

PERTUBUHAN KEBAJIKAN DAN PERPADUAN KOMUNITI MALAYSIA

(No. Pendaftaran : PPM-008-07-25032014)

27-1, Lorong Pauh Jaya 1/2, Taman Pauh Jaya, Jalan Baru, 13700 Prai, Pulau Pinang, Malaysia

pkpkm.my@gmail.com

013 437 6789 / 013 436 6789

04 - 383 8739

P K P K M

"Pemangkin PERPADUAN Masyarakat" melalui 5 TONGGAK UTAMA : KEMASYARAKATAN . KEBAJIKAN . PENDIDIKAN . KEUSAHAWANAN . KEBUDAYAAN

Ruj Kami: PKPKM101-01-(SMPC)(04)

Tarikh: 03-06-2021

Yang Berbahagia,

Dato' Abdul Latif Haji Abu Seman,
Ketua Pengarah,
Malaysia Productivity Corporation (MPC),
Jalan Sultan, PJS 52,
46200 Petaling Jaya, Selangor.

YBhg. Dato',

Per: Kerjasama di antara PERTUBUHAN KEBAJIKAN dan PERPADUAN KOMUNITI MALAYSIA (PKPKM) dengan MALAYSIA PRODUCTIVITY CORPORATION (MPC) DAN RAKAN STRATEGIK YANG LAINNYA bagi penganjuran "3rd NATIONAL SOCIAL INNOVATION FORUM (NSIF) secara atas talian" pada 2 JULAI 2021

Dengan hormatnya kami merujuk perkara di atas,

Pertubuhan Kebajikan dan Perpaduan Komuniti Malaysia (PKPKM) bercadang untuk menganjurkan **"3rd National Social Innovation Forum (NSIF) secara atas talian"**. Memandangkan peperangan kita menentang Pandemik COVID-19 masih belum selesai, pihak kami mengambil inisiatif untuk menjalankan program tersebut secara atas talian.


Inisiatif ini adalah kesinambungan dari kejayaan penganjuran **"2nd National Social Innovation Forum (NSIF)"** yang telah dilaksanakan pada 3 Mac 2020 yang lalu. Bagi memperluaskan daya usaha tersebut, sukacita kami ingin menjemput **MPC** untuk menghantar salah seorang "speaker" dan menjadi sebahagian dari komuniti sosial berinovasi yang sedang berkembang. Bagi program kali ini, fokus utama adalah kepada usahawan kecil yang terlibat dalam sektor pemakanan dan minuman.

Sebagai sebuah Pertubuhan Bukan Kerajaan yang bukan berasaskan keuntungan dan bagi turut membantu kami untuk menjayakan inisiatif ini, dengan rendah diri izinkan kami memohon untuk mendapatkan sumbangan dari pihak Ybhg. Dato' sebagai **penyumbang utama** kepada program ini bagi turut serta mempertingkatkan perpaduan kaum dengan melibatkan usahawan kecil dan sederhana dari semua bangsa dan meneruskan secara bersama untuk turut membantu Kerajaan bagi mencapai hasrat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Harapan kami adalah agar YBhg. Dato' dapat memberi info dan keterangan bagi Usahawan Kecil khususnya dalam industri makanan dan minuman jika terdapat beberapa kemudahan yang pihak YBhg. Dato' boleh tawarkan kepada mereka. Sehubungan dengan itu, pihak kami juga ingin memohon kebenaran menggunakan logo MPC bagi tujuan promosi dan kolaborasi bersama.

Bersama surat ini dilampirkan kertas cadangan untuk penganjuran **"3rd National Social Innovation Forum (NSIF)"** yang dimaksudkan. Sila hubungi Pengurus Komunikasi Korporat kami merangkap Bendahari Pertubuhan Kebajikan dan Perpaduan Komuniti Malaysia (PKPKM), Puan Puteri Najwa (011-1110 9916) jika terdapat sebarang pertanyaan atau maklumat yang diperlukan mengenai cadangan penganjuran program ini.

**HARAP DAPAT SAMA-SAMA KITA LAKUKAN SESUATU KEPADA YANG MEMERLUKAN
BERKHIDMAT DENGAN PENUH KEIKHLASAN
KERANA
ALLAH S.W.T**

Salam Hormat dan Terima Kasih,
Yang Menjalankan Amanah,
Pertubuhan Kebajikan dan Perpaduan Komuniti Malaysia


Datuk Arif
Pengerusi